

Umno Pulau Pinang Mahu Kerajaan Negeri Pastikan Pembangunan Terus Berkembang Bernama
July 12, 2014

BUTTERWORTH, 12 Julai (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang mahu kerajaan negeri pimpinan DAP memastikan pembangunan terus berkembang di negeri ini memandangkan kerajaan pusat telah mengeluarkan peruntukan besar bagi pembangunan ekonomi negeri ini.

Pengerusi badan itu, Datuk Zainal Abidin Osman berkata usaha itu perlu memandangkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang direkodkan oleh Pulau Pinang sejak kebelakangan ini agak menurun.

"Umno Pulau Pinang tidak menyalahkan kerajaan negeri tetapi mereka perlu terus berusaha menarik pelabur asing," kata beliau.

Zainal bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan badan perhubungan Umno Pulau Pinang di sini hari Sabtu.

Beliau menafikan dakwaan bahawa Pulau Pinang dianak tirikan oleh kerajaan pusat dalam pembahagian peruntukan.

"Kerajaan pusat telah memperuntukan sebanyak RM250 juta untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan banyak lagi peruntukan lain... memandangkan Pulau Pinang merupakan sebuah negeri berasaskan perindustrian," katanya.

Beliau kemudian menyampaikan bantuan sebanyak RM30,000 sempena sambutan Hari Raya kepada 200 penerima terdiri daripada anak yatim dan keluarga miskin di sekitar Parlimen Tasek Gelugor.

Setiap penerima menerima wang tunai sebanyak RM100 dan barang makanan berupa kuih raya bernilai RM50 setiap satu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053242>